

KOLEJ METHODIST KUALA LUMPUR

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

METHODIST COLLEGE KUALA LUMPUR (“MCKL”) menghargai kepercayaan anda dan berkomited untuk memproses dan melindungi data peribadi anda secara bertanggungjawab. Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi (“**Notis PDP**”) ini untuk memahami bagaimana kami memproses data peribadi anda dan mematuhi **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**.

1. **Apakah itu data peribadi dan apakah jenis data peribadi yang dikumpul oleh MCKL?**

Data peribadi adalah maklumat (diperolehi secara langsung dan/atau tidak langsung) yang boleh digunakan untuk membezakan atau mengenalpasti anda, sama ada secara sendiri atau digabungkan dengan data-data lain.

MCKL berusaha untuk mengumpul data peribadi yang berkaitan secara langsung dan yang diperlukan (tetapi tidak berlebihan) untuk aktiviti-aktiviti, perkhidmatan dan fungsi-fungsi sah MCKL. Data peribadi yang diperolehi, diurus, diproses atau disimpan asasnya adalah dari para pelajar, bakal pelajar, ibu bapa, penjaga, alumni, pekerja, penaja biasiswa dan juga penjual, pembekal, agen pemasaran, pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan lain. Lanya termasuk tetapi tidak tertakluk kepada maklumat-maklumat berikut:-

- Nama, tarikh lahir, maklumat pengenalan (KP/pasport/lesen), alamat, alamat emel, nombor telefon, talian kecemasan dan maklumat hubungan lain;
- Jantina, kewarganegaraan, bangsa, kepercayaan agama, maklumat kesihatan/perubatan, maklumat imigresen/visa;
- Program pendaftaran, rekod-rekod akademik, keputusan-keputusan peperiksaan, gred & pencapaian-pencapaian lain, maklumat tatakelakuan dan perkara tatetertib disiplin;
- Maklumat kad kredit, akaun bank, percukaian dan maklumat-maklumat kewangan lain;
- Imej-imej, gambar foto, rakaman video & audio, temuramah, rakaman keselamatan/CCTV;
- Data yang diperolehi semasa akses dan penggunaan platform-platform teknologi, sistem dan portal-portal lain MCKL, maklumat lokasi, dan data aliran klik semasa anda melayari laman sesawang kami; dan
- Maklumat-maklumat lain yang tersendiri atau apabila digabungkan dengan maklumat lain, bermungkinan mekenalpastikan seseorang individu.

2. **Bagaimana MCKL mengumpul data peribadi anda?**

Data peribadi anda berkemungkinan dikumpulkan dan/atau dibekalkan kepada kami melalui sumber-sumber berikut:-

- Borang-borang pendaftaran dan permohonan yang dihantar oleh anda atau wakil anda, sama ada melalui talian atau secara salinan bercetak;
- Pameran-pameran pendidikan, laman web mudah-alih, jerayawara, konferensi, seminar, forum awam, acara-acara, kempen dan aktiviti-aktiviti pemasaran lain;
- Pertanyaan panggilan, laman-laman sesawang, platform-platform media sosial, sistem-sistem dan platform-platform teknologi maklumat atau dalam talian, media-media digital lain, termasuk kuki laman-laman sesawang dan data aliran klik;
- Berkaitan dengan permohonan atau penyerahan ad hoc anda untuk perkhemahan, lawatan sambil belajar, loker, akses perpustakaan, tempat letak kereta, majlis tamat pengajian, penempatan universiti atau magang dan lain-lain;

- Pendaftaran untuk memasuki premis MCKL;
- Penyerahan kepada pertanyaan perniagaan kami, tender-tender, pertukaran kad-kad perniagaan, rujukan-rujukan perniagaan dan transaksi-transaksi komersial lain;
- Institusi-institusi yang ada pertalian, pihak ketiga yang diberikuasa, ejen-ejen pemasaran atau pengrekrutan, penaja-penaja biasiswa, rakan kongsi perniagaan dan sumber-sumber lain yang berkaitan;
- Pihak-pihak ketiga lain yang kami berurusan dengan atau sesiapa yang mempunyai hubungan dengan anda (contohnya institusi-institusi kewangan, perujuk-perujuk, majikan-majikan);
- Sumber-sumber lain yang anda telah memberikan kebenaran untuk menzahirkan maklumat-maklumat peribadi anda (seperti insitituti-institusi kewangan, rujukan peribadi, majikan), dan/atau yang dibenarkan secara sah.

3. Bagaimana MCKL menggunakan data peribadi anda?

Secara asasnya, kami menggunakan data peribadi anda untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, akademik dan hal-ehwal pelajar. Untuk rakan niaga perniagaan, data peribadi digunakan untuk memudahkan transaksi perniagaan. Sekiranya kami tidak diberi data peribadi yang sepatutnya, atau sekiranya maklumat yang diberi itu tidak mencukupi, tidak benar atau kebenaran untuk kami menggunakan data peribadi itu ditarik balik, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda dan/atau menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kami yang sewajarnya.

Senarai tidak lengkap berikut menggariskan tujuan-tujuan dan/atau keadaan-keadaan di mana data peribadi anda mungkin digunakan oleh pihak kami:

- Untuk memproses permohonan anda bagi pendaftaran kemasukan, biasiswa dan/atau bantuan kewangan;
- Untuk mengendali permohonan pendaftaran anda, membolehkan penyampaian program akademik anda serta aktiviti-aktiviti kokurikulum, dan untuk mengenalpasti pencapaian-pencapaian akademik;
- Untuk berhubung dengan rakan-rakan seprogram, lembaga-lembaga peperiksaan dan agensi penguatkuasa (tempatan dan antarabangsa) untuk memudahkan dan membolehkan program-program dan penilaian-penilaian yang relevan berkaitan dengan permohonan pendaftaran anda;
- Untuk tujuan-tujuan pentadbiran, akademik, publisiti dan statistik berkaitan dengan program anda;
- Untuk menyediakan perkhidmatan tambahan seperti bantuan keperluan kediaman, permohonan visa dan kemudahan-kemudahan berkaitan teknologi maklumat;
- Untuk membantu dalam mendapatkan penempatan di institusi-institusi pengajian tinggi, dan pengalaman atau latihan kerja berkaitan dengan program anda, dan/atau keperluan-keperluan lain yang serupa;
- Untuk mengendali keselamatan dan sekuriti dalam kampus (secara fizikal dan dalam talian) semata-mata untuk perlindungan komuniti kami;
- Untuk menjalankan analisis data bagi membangunkan dan menambahbaik perkhidmatan pelajar MCKL, aktiviti-aktiviti berkaitan pengambilan pelajar dan pemasaran;
- Untuk mengendalikan program latihan kakitangan, analisa statistik, penyelidikan, sistem-sistem pembangunan dan sistem-sistem pengujian;
- Untuk berkomunikasi dengan anda termasuk perkara-perkara pentadbiran, invois-invois pembayaran, keputusan akademik dan perkhidmatan kami;

- Untuk memaklumkan kepada anda mengenali program pengajian, acara-acara, program-program dan promosi-promosi yang akan datang;
- Setelah tamat pengajian, untuk megekalkan data peribadi yang berkaitan dalam pangkalan data alumni MCKL untuk penyebaran berita, hal-ehwal, aktiviti-aktiviti dan program-program alumni;
- Untuk segala aktiviti-aktiviti pembaikan laman sesawang dan media sosial, termasuk strim langsung acara-acara MCKL;
- Untuk menerbitkan segala pencapaian dan kejayaan akademik para pelajar kami (contohnya senarai-senarai anugerah dan kepujian) dalam laman sesawang kami, laman media sosial, suratkhobar, dan penerbitan-penerbitan digital atau bercetak;
- Untuk mengendali, memberikesan dan/atau memproses pembayaran berkaitan dengan transaksi komersial;
- Untuk mematuhi kewajipan atau keperluan undang-undang, peraturan, audit dan tanggungjawab keselamatan atau sekuriti;
- Untuk pengurusan rekod dalaman MCKL.

4. Dalam keadaan apakah MCKL akan menzahirkan data peribadi anda?

Data peribadi anda akan dizahirkan oleh MCKL sekiranya diperlukan untuk menyokong penggunaan yang tersenarai di atas atau apabila ditetapkan di bawah undang-undang. Dalam beberapa keadaan, ini mungkin termasuk pemindahan data peribadi anda ke luar negara. Apabila data peribadi anda dizahirkan, penzahiran data tersebut akan terhad hanya setakat yang diperlukan untuk memenuhi tujuan penzahiran tersebut. Penzahiran-penzahiran mungkin dibuat kepada pihak-pihak yang berikut:-

- Penaja-penaja biasiswa anda termasuk ibu bapa anda, penjaga dan/atau pihak-pihak lain yang menyokng pengajian anda dengan bantuan kewangan atau bantuan yang lain;
- Badan-badan atau institusi-institusi pendidikan (di dalam atau luar negara) untuk sebarang pendaftaran program pakatan;
- Badan-badan profesional yang relevan, badan-badan pengawalselia atau akreditasi (di dalam atau luar negara) menurut kepada program atau keperluan kursus anda, dan/atau agensi-agensi berkaitan untuk membolehkan anda menjalani pengalaman praktikal, penilaian atau sebarang aktiviti relevan program pengajian anda;
- Institusi-institusi atau entiti-entiti yang berafiliasi dengan MCKL, atau institusi-institusi yang anda sedang, pernah atau akan bergabung dengan;
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, badan kawalselia industri pengajaran dan pembelajaran, dan/atau badan-badan kerajaan tempatan atau asing, pihak-pihak berkuasa, kerajaan atau agensi berkanun tempatan dan asing yang relevan, termasuk Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Agensi Kelayakan Malaysia, dan pejabat-pejabat kedutaan asing (apabila diperlukan);
- Penyedia perkhidmatan berkontrak atau pihak ketiga lain (di dalam atau luar negara) yang digunakan oleh MCKL untuk dirinya sendiri atau untuk melakukan perkhidmatan bagi pihaknya, termasuk penasihat-penasihat profesional, platform-platform teknologi maklumat, pengendali perkhidmatan telekomunikasi, pengendali perkhidmatan pengangkutan, syarikat-syarikat insuran, tempat perkhemahan atau konferens, penganjur latihan atau acara, dan pengendali-pengendali yang membantu dalam pemprosesan dan memenuhi perkhidmatan kami untuk anda;
- Pihak-pihak yang anda telah memberikan kebenaran anda;

- Agensi penguatkuasaan undang-undang apabila penzahiran diperlukan untuk menyasat sesuatu kesalahan atau sekiranya terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan mungkin atau telah dilakukan;
- Sekiranya penzahiran diarahkan atau dimandatkan di bawah undang-undang, oleh agensi kerajaan, sepina, waran atau instrumen-instrumen perundangan atau berkanun;
- Sekiranya MCKL mempercayai dengan sewajarnya bahawa penzahiran adalah suatu kemestian untuk menghalang atau mengurangkan sesuatu ancaman terhadap nyawa, keselamatan atau kesihatan mana-mana pihak.

5. Perkara-perkara am lain yang berkaitan

- 5.1 **Pautan laman sesawang**: Akaun laman sesawang dan media sosial kami mungkin mengandungi pautan-pautan ke laman-laman sesawang pihak ketiga, sama ada akaun-akaun atau perkhidmatan-perkhidmatan. Pautan-pautan ini diselitkan untuk kemudahan anda dan tidak sepatutnya dikaitkan sebagai disokong secara khusus oleh pihak kami. Pihak kami tidak bertanggungjawab untuk perkhidmatan mereka atau kandungan di laman-laman pautan tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang kawalan terhadap laman-laman sesawang pihak ketiga, akaun-akaun, perkhidmatan atau amalan privasi mereka. Anda dinasihatkan untuk melakukan penilaian sendiri sebelum menggunakan laman-laman sesawang tersebut.
- 5.2 **Kuki Web**: Kami mengumpul maklumat mengenai penggunaan laman sesawang MCKL melalui kuki laman-laman sesawang. Kuki web merupakan paket-paket maklumat yang disimpan dalam komputer untuk membantu navigasi laman sesawang anda melalui penyesuaian maklumat laman web dengan keperluan anda. Kuki secara dirinya tidak mengenalpasti seseorang pengguna, malah hanya komputer yang digunakan. Anda tidak wajib menerima kuki web. Namun, penolakan kuki web mungkin mempengaruhi penggunaan dan pengalaman anda semasa melayari laman web kami.
- 5.3 **Imej dan Rakaman**: Kami merakamkan gambar, video, audio dan rakaman-rakaman lain aktiviti-aktiviti dan acara-acara di, atau berkaitan dengan, MCKL. Anda faham dan terima bahawa imej dan/atau suara anda mungkin dirakamkan. Dari semasa ke semasa, kami menggunakan koleksi imej atau rakaman kami dalam bahan-bahan promosi atau penerbitan dalaman/luaran kami (seperti laman sesawang & penyiaran media sosial, portal pelajar, brosur, iklan suratkhbar, papan buletin elektronik dan fizikal, serta bentuk-bentuk media lain). Anda boleh menulis kepada MCKL, melalui saluran-saluran yang tersenarai di bawah, untuk memohon agar sesuatu imej atau rakaman yang mempunyai imejan atau rakaman anda ditarikbalik dari penerbitan. Kami akan berusaha untuk menyingkirkan atau menghentikan imejan atau rakaman tersebut dari penerbitan atau penyiaran selanjutnya, tetapi anda memahami dan menerima bahawa imejan dan rakaman tersebut mungkin terus muncul dalam platform-platform yang sudah berada dalam peredaran.
- 5.4 **Pemasaran Langsung**: Sekiranya anda tidak ingin menerima sebarang bahan pemasaran atau bahan-bahan lain yang berkaitan dari MCKL, anda boleh menarik diri atau pilihkeluar dengan menghubungi Jabatan Pemasaran MCKL melalui saluran yang tertera di bawah. Arahan bertulis anda kepada kami yang terkini akan dipertimbangkan dan patuhi.
- 5.5 **Versi-versi Konflik**: Sekiranya berlaku konflik antara Notis PDP versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan menjadi versi yang memerintah.
- 5.6 **Pindaan kepada Notis PDP**: Kami mungkin membuat pindaan kepada Notis PDP ini dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui laman sesawang kami dan akaun-akaun media sosial yang berkaitan. Sebarang pindaan akan berkuatkuasa dengan serta merta setelah dipaparkan dalam laman sesawang kami.
- 5.7 **Penyimpanan Data Peribadi**: Kami akan menyimpan data peribadi anda selama data peribadi

anda diperlukan bagi memenuhi tujuan utama data tersebut dikumpulkan. Namun, MCKL mungkin juga perlu mengekalkan rekod-rekod yang mengandungi data peribadi untuk sesuatu jangka masa yang ditetapkan di bawah undang-undang.

- 5.8 **Hak Anda:** Kami akan, dengan sebaiknya, memastikan bahawa data peribadi anda yang disimpan oleh MCKL adalah tepat. Namun, anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang dimaklumkan kepada kami adalah benar, tepat dan lengkap. Anda akan mengambil langkah untuk mengemaskini data peribadi anda dari semasa ke semasa.

Anda boleh meminta akses, membetulkan dan/atau mengemaskini data peribadi anda pada bila-bila masa. Anda juga boleh menarik balik kebenaran untuk sesuatu penzahiran tertentu atau penggunaan khusus (contohnya pemasaran langsung, penggunaan imejan/rakaman anda, atau pegangan data anda dalam pangkalan data alumni). Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan data peribadi anda, sila emel kepada alamat emel Pendaftar atau Pengurus Pemasaran MCKL dengan tajuk 'PERTANYAAN DATA PERIBADI':

- Data peribadi berkaitan Pelajar / Alumni: registrar@mckl.edu.my
- Data peribadi berkaitan Pemasaran: marketing@mckl.edu.my
- Nombor telefon: +(603) 2274-6711

Tarikh: Mei 2020.